



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 27/2026

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR PERKENAN TEMASYA SUKMA 2026 DITERUSKAN SECARA BERHEMAH

26 APRIL 2026

PUTRAJAYA, 26 APRIL 2026 – Penganjuran temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2026 oleh Negeri Selangor akan diteruskan setelah mendapat perkenan Sultan Selangor, Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

Baginda memberi perkenan supaya SUKMA Selangor kekal dilangsungkan bermula 15 hingga 24 Ogos 2026 dengan langkah-langkah penjimatan dan perbelanjaan berhemah, setelah menerima menghadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, pada Khamis (23 April) untuk membincangkan perkara itu.

Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dr Mohammed Taufiq Johari merakamkan penghargaan dan menjunjung kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor serta mengucapkan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, yang meletakkan kepentingan atlet-atlet muda negara sebagai keutamaan ketika memutuskan agar SUKMA 2026 diteruskan.

“Saya amat menjunjung kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor susulan inisiatif perbincangan oleh YAB Perdana Menteri, khususnya keprihatinan terhadap atlet-atlet muda yang wajar terus diberi peluang bertanding di peringkat tertinggi.

“Tambahan pula SUKMA 2026 ini adalah antara medan pemilihan dan persiapan atlet-atlet muda bagi membawa cabaran negara pada temasya Sukan SEA yang akan berlangsung di negara kita pada tahun hadapan,” kata YB Taufiq.

YB Taufiq telah berbincang berkenaan keputusan itu dengan Menteri Besar Selangor, Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Amirudin Shari yang menjanjikan kerjasama erat daripada Kerajaan Negeri demi memastikan penganjuran SUKMA Selangor 2026 dapat dilaksanakan dengan berkesan.

“Saya juga telah menerima perkenan untuk menghadap Tuanku yang dijadualkan pada Rabu, 29 April, bersama-sama Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan Selangor untuk memaklumkan perkembangan perancangan terkini berhubung penganjuran SUKMA 2026,” kata YB Taufiq.

Sehubungan itu, Mesyuarat Khas Jawatankuasa Tertinggi SUKMA yang dijadualkan pada Khamis, 30 April ini, akan dimanfaatkan Sekretariat SUKMA Selangor 2026 untuk membentangkan status terkini persiapan, terutama langkah-langkah penjimatan yang akan dilaksanakan selaras dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

YB Taufiq berkata sebarang maklumat tambahan berkenaan SUKMA Selangor 2026 akan dimaklumkan selepas Mesyuarat Khas Jawatankuasa Tertinggi SUKMA diadakan.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

